

Jalin kerjasama dengan syarikat China

KUANTAN - Koperasi Kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan (Kospek) Berhad menjalin kan kerjasama dengan syarikat dari Qinzou, China, iaitu China Guangxi Chen Tuo Technology Co. Ltd bagi memasarkan beberapa produk ke sana.

Pengerusinya, Zulkifli Abd Majid berkata, kerjasama itu akan dijalankan oleh anak syarikat Kospek Berhad iaitu, Kospek Agro Sdn Bud dan ia adalah satu permulaan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.

Menurutnya, urusan perniagaan ini akan dikendalikan syarikat Kuantan - Qinzou International Trade (KQIT) manakala Kospek Agro Sdn Bhd sebagai pengedar.

"Kita akan beri tumpuan kepada kerjasama import dan eksport produk dari kedua-dua daerah untuk pasaran di sini dan juga Qinzou.

"Malah beberapa produk dari Kuantan sudah menembusi pasaran di Qinzou seperti rempah kurma dan gulai kawah," katanya pada satu sidang media, semalam.



Chee Keong menyampaikan cenderamata kepada Zulkifli pada sidang media yang diadakan.

SINAR HALAN - 6/3/2018

Hadir sama, Pengerusi KQIT, Yap Kim Heng dan Pengerusi China Guangxi Chen Tuo Technology Co.Ltd, Chow Chee Keong.

Zulkifli berkata, teknologi tinggi yang digunakan syarikat berkenaan menarik pihaknya untuk menjalinkan kerjasama itu.

Katanya, beberapa siri lawatan ke kilang syarikat itu turut memberi keyakinan kepada pihaknya.

"Saya harap kerjasama ini akan memberi impak positif kepada perkembangan perniagaan ini terutama dalam memasarkan produk tempat-

an ke pasaran antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Kim Heng berkata, bagi mempromosikan produk-produk yang ada, pihaknya akan mengadakan satu Pameran Kuantan-Qinzou International Trade pada 29 Mac hingga 1 April di Dataran Serambi Teruntum.

Katanya, pameran berkenaan akan membawa beberapa produk dari Qinzou untuk dijual kepada orang ramai.

"Pada pameran itu juga, beberapa memorandum perjanjian akan dimeterai," katanya.